

Muhammad Hanif, Mohd Yakub @ Zulkifli & Asyraf Isyraqi, "Pemikiran Pembaharuan Muḥammad `Abd Allāh Dirāz," *Afkār* Vol. 19 Special Issue (2017): 115-146

PEMIKIRAN PEMBAHARUAN MUHAMMAD `ABD ALLĀH DIRĀZ TERHADAP UNIVERSITI AL-AZHAR

**MUHAMMAD `ABD ALLĀH DIRĀZ' REFORMATION
IDEAS ON UNIVERSITY OF AL-AZHAR**

Muhammad Hanif Ali*, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff* & Asyraf Isyraqi Jamil**

*Department of al-Quran and al-Hadith. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

**Islamic Education Programme. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: **isyraqi@um.edu.my

Khulasah

Artikel ini merupakan penelitian terhadap usaha yang telah dilakukan ke arah pembaharuan kegemilangan Universiti al-Azhar; sebuah institusi pendidikan Islam yang telah menjangkau usia seribu tahun. Bagi membincangkan hal tersebut, artikel ini berusaha mengetengahkan pemikiran pembaharuan yang telah dicetuskan oleh salah seorang cendekiawan al-Azhar iaitu Muḥammad `Abd Allāh Dirāz (1894-1958M.). Jika diteliti beberapa sumber berkaitan sejarah pembaharuan al-Azhar, seakan-akan Dirāz tidak mempunyai sebarang peranan dalam proses pembaharuan tersebut. Namun sebenarnya penelitian terhadap beberapa penulisan Dirāz menemukan kepada beberapa idea pembaharuan yang layak untuk dizahir dan diperkembangkan. Justeru, perbincangan mengenai hal tersebut dilakukan menerusi penelitian terhadap beberapa penulisan artikel serta surat-menyurat antara Dirāz dengan pihak pengurusan al-Azhar. Secara umumnya, hasil penelitian mendapati pemikiran pembaharuan Dirāz terhadap Universiti al-

Azhar dapat diperjelaskan menerusi empat sudut iaitu asas pendidikan, kaedah pelaksanaan pendidikan, kaedah penilaian dan pemantauan serta pengantarabangsaan.

Kata kunci: Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz; Universiti al-Azhar; pembaharuan Pendidikan Islam; pentadbiran Pendidikan Islam.

Abstract

The article explores the efforts taken to restore and renew the glory of al-Azhar University; a millennium of an Islamic educational institution. The discourse attempts to highlight reformation ideas that have been triggered by one of al-Azhar's scholars, Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz (1894-1958 AD.). This is based on the review of several sources related to al-Azhar's reformation history, where Dirāz seemed to have no role in the efforts. However, based on some of his writings, it can be concluded that he has the ideas of reformation which are worthy to be emphasized and developed. The discussion were carried out through analysis on several articles and copies of correspondence between Dirāz and the management of al-Azhar. The study found that his ideas can be divided into four aspects, namely the foundation of education, the method of educational implementation, the method of assessment and monitoring, as well as the internationalization of institution.

Keywords: Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz; al-Azhar University; Islamic educational reformation; Islamic educational administration.

Pendahuluan

Universiti ialah sebuah institusi pendidikan paling utama dalam kerangka sistem pendidikan bagi sesebuah tamadun. Ini kerana ia memainkan peranan cukup penting dalam melahirkan generasi yang mampu memimpin dan meneruskan kebangkitan pendidikan serta memperkembang teori pengetahuan. Universiti sesekali

bukanlah tempat untuk golongan elit yang mengejar ketinggian kedudukan sosioekonomi, sebaliknya merupakan tempat tercurahnya hikmah ilahiah yang menjadikan pendidikan tinggi sebagai misi besar para Nabi.

Penumpuan terhadap pendidikan tinggi ini bukanlah bermakna pendidikan rendah dan menengah suatu yang tidak mengapa jika diabaikan. Namun dengan pendidikan yang sewajarnya diberikan di peringkat tinggi membolehkan kekurangan pendidikan peringkat rendah dan menengah dapat diperbaiki.¹

Memahami gambaran universiti ideal menurut pandangan Islam ini, al-Attas seorang cendekiawan yang memainkan peranan mendasar dalam Islamisasi ilmu pengetahuan berkali-kali menyeru agar wujudnya sebuah sistem baru dalam universiti Islam. Walau bagaimanapun usaha pembaharuan ini bukanlah bermakna menafikan terus sistem sebelumnya, sebaliknya harus dikenal pasti dan dikekalkan elemen-elemen positif yang sedia ada seterusnya diperbaiki sisi-sisi sebaliknya.² Namun pada hemat penulis, usaha pembaharuan bagi mewujudkan elemen positif dalam universiti Islam pada praktiknya sudah pun wujud,³ namun tidak sebagaimana al-Attas yang merintis idea secara konseptual dan filosofis berkaitannya.⁴

¹ Wan Mohd Nor bin Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, ed. ke-6 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014), 151-152.

² *Ibid.*, 153.

³ Menurut al-Attas, usaha ini tidak akan berjaya selagi semua konsep dasar ilmu pengetahuan dari sudut pandang Islam tidak dapat dibentuk. Monograf oleh H.H. Bilgrami dan S.A. Asyraf, *The Concept of an Islamic University*, Islamic Monograph Series (Cambridge, The Islamic Academy/ Hodder and Stoughton, 1985). Rujuk: *Ibid.*, 191.

⁴ *Ibid.*, 151.

Salah satu universiti Islam yang telah melalui sejarah panjang sama ada dalam bentuk operasi mahupun usaha pembaharuan terhadap pentadbiran pendidikan ialah Universiti al-Azhar. Jika disoroti, ternyata institusi tersebut telah berjaya memberikan sumbangan yang begitu signifikan dalam usaha pengembangan ilmu dan juga dalam melahirkan para cendekiawan khususnya berkaitan pengajian Islam. Selain itu, dinamika percaturan politik serta perkembangan pemikiran yang kompleks seterusnya memberi kesan langsung sehingga al-Azhar telah mencatat pelbagai sejarah pasang surutnya dalam arena pendidikan. Begitu juga timbul seruan serta usaha terhadap pembaharuan malah tidak kurang juga penentangan yang telah digerakkan secara jelasnya oleh para pemimpin tertinggi intelektual al-Azhar.

Melihat keperluan agar dilakukan penelitian terhadap pembentukan sebuah universiti ideal, penulisan ini menfokuskan kepada institusi pendidikan al-Azhar dengan melakukan sorotan terlebih dahulu terhadap sejarah dalam usaha pembaharunya. Justeru, artikel ini berusaha meneliti pemikiran salah seorang pemimpin intelektual al-Azhar yang turut terlibat dalam memulih serta mengembalikan kegemilangan institusi pendidikan tersebut iaitu Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz. Sekalipun jika diteliti secara umum, beliau bukanlah tokoh yang dilihat berperanan secara langsung dalam usaha pembaharuan tersebut, namun dengan memfokuskan kajian terhadap kehidupan dan kerjaya beliau, didapati Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz telah menulis beberapa makalah yang telah membentangkan ideanya dalam usaha pembaharuan al-Azhar. Oleh itu, artikel ini terlebih dahulu melakukan sorotan ringkas terhadap sejarah pembaharuan al-Azhar agar dapat difahami secara umum corak perubahan yang diinginkan serta mengenal pasti kelompok yang telah berusaha keras dalam menjayakan gagasan tersebut.

Sorotan Sejarah Pembaharuan Universiti al-Azhar

Tumpuan serta kiblat ilmu dalam tamadun Islam mula bertukar arah dari kota Baghdad kepada al-Azhar setelah pentadbiran kerajaan ‘Abbasiyyah diruntuhkan oleh tentera Tatar pada tahun 656H. Begitu juga dengan kota Andalus yang turut mengalami keadaan getir berhadapan dengan tentera Salib sehingga membawa kejatuhan pada tahun 897H. Ketika itu, al-Azhar mula diberi perhatian sebagai pusat pengembangan ilmu sama ada berkenaan ilmu agama mahupun ilmu-ilmu seperti perubatan, falsafah dan matematik.⁵ Ibn Khaldūn (m. 808 H.) yang juga melibatkan diri dalam usaha pendidikan di situ menyatakan bahawa kota ilmu bagi era tersebut adalah kota Kaherah. Menurutnya, ini disebabkan fenomena pembangunan yang semakin pesat dan tamadun yang semakin kukuh sehingga aktiviti-aktiviti keilmuan semakin aktif dan mendapat tumpuan.⁶

Pada era kegemilangan ini munculnya nama-nama besar dalam dunia keilmuan seperti al-Adīb al-Būṣīrī (m. 625H.), al-Faqīh Ibn Daqīq al-‘Iīd (m. 702H.), Ibn Hishām (m. 749H.), Taqī al-Dīn al-Subkī (m. 756H.), Ibn ‘Aqīl (m. 769H.), al-Fayrūz Ābādī (m. 817H.), al-Maqrīzī (m. 845H.) dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m. 852H.). Namun sejurus tentera Mesir mengalami kekalahan dalam peperangan Marj Dābiq pada tahun 966H., Sultan Salim I bukan sahaja mula mengawal pentadbiran politik, tetapi turut masuk campur dalam pentadbiran pendidikan. Ini dilakukan dengan menangkap para cendekiawan serta merampas buku-buku dan manuskrip-manuskrip, kemudian diantar ke pusat pentadbirannya di

⁵ Taqī al-Dīn al-Maqrīzī, *al-Khiṭāṭ al-Maqrīzīyyah* (Kaherah: Maktabah Madbūlī, 1998), 2: 334.

⁶ ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad, *Tārīkh Ibn Khaldūn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 1: 434.

Konstantinople.⁷ Biarpun begitu, al-Azhar yang dibangunkan sejak tiga kurun dari peristiwa tersebut tetap bertahan sehingga al-Šā`īdī menyatakan jika bukan kerana peranan yang dimainkan oleh al-Azhar, sudah hilang bahasa Arab dari masyarakat Mesir akibat penaklukan kerajaan 'Uthmaniyyah.⁸

Ketidakstabilan tersebut terus berterusan dan sedikit demi sedikit al-Azhar mengalami kemerosotan sama ada dari sudut pentadbiran pendidikan mahupun kepimpinan intelektual. Namun suasana politik mula dilihat mengalami perubahan positif apabila Mehmet Ali Pasha menduduki pemerintahan Mesir bermula 1805 sehingga 1848M, bahkan beliau dianggap pemimpin yang berjaya mengembalikan kegemilangan Mesir setanding dengan kemajuan yang berlaku di Eropah.⁹

Hasan bin Muhammad al-‘Aṭṭār (dilantik sebagai Shaykh al-Azhar dari 1830 sehingga 1834M) ketika itu menyedari bahaya yang akan menimpa al-Azhar jika tiada sebarang usaha pembaharuan dilakukan sementelah para ilmuwan al-Azhar ketika itu hanya mengambil jalan mendiamkan diri. Dengan hubungan baik yang dijalin antara beliau dengan Mehmet Ali Pasha membolehkan idea pembaharunya mendapat dokongan. Selain berusaha mengembalikan semula kegemilangan dalam ilmu keagamaan, beliau turut memperkenalkan ilmu-ilmu seperti kosmologi, perubatan, kimia, kejuteraan dan muzik dalam pengajian di al-Azhar. Hasil dari usaha dalam tempoh singkat tersebut telah melahirkan tokoh-tokoh

⁷ Muhammad bin Ahmad bin Iyās, *Badā'i' al-Zuhūr fī Waqā'i' al-Duhūr*, ed. Muḥammad Muṣṭafā (Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah lī al-Kitāb, 1984), 3:119.

⁸ Abd al-Muta'āl al-Šā`īdī, *Tārīkh al-Islāh fī al-Azhar wa Ṣafahāt min al-Jihād fī al-Islāh* (Kaherah: Maṭba'ah al-I'timād, t.t.), 7-8.

⁹ Khalid Fahmi, *Mu'assis Miṣr al-Hadīthah Muḥammad 'Alī wa Jayshuh wa Binā' Miṣr al-Hadīthah* (Kaherah: Dar al-Shurūq, 2011), 32.

yang juga berperanan dalam mengembalikan kegembilangan keilmuan di Mesir seperti Rif'ah al-Tahtāwī dan Muhammad 'Iyād al-Tantawī.

Usaha ini diteruskan lagi pada era pemerintahan Ismail Pasha apabila Sijil al-Ālimiyah (berdasarkan Kanun al-Azhar 1782)¹⁰ mula diperkenalkan dan untuk melayakkan para pelajar dianugerahkan sijil tersebut, mereka terlebih dahulu perlu melepas ujian sebanyak sebelas subjek iaitu *al-Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh*, *al-Hadīth*, *al-Tafsīr*, *al-Tawḥīd*, *al-Naḥw*, *al-Ṣarf*, *al-Bayān*, *al-Badī'*, *al-Ma'ānī* serta *al-Manṭiq*. Begitu juga dengan penetapan kaedah penilaian, para pelajar perlu menyampaikan pengajian dan selepas itu mereka akan diuji oleh barisan penilai. Ketika itu juga timbul gerakan pembaharuan yang digagaskan oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī (m. 1897M.) termasuk mengembangkan pelbagai cabang ilmu seperti ilmu kalam, falsafah serta sains matematik selain turut menyeru kepada pembaharuan dalam institusi al-Azhar. Namun apabila Tawfiq Pasha mengambil alih pemerintahan, gerakan ini terhenti seketika apabila berlaku perselisihan antara Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan beliau sehingga al-Afghānī dihalau meninggalkan Mesir.

Selepas kematian Tawfiq Pasha dan beralih kepada 'Abbās Ḥilmī pada tahun 1892M., Muhammad 'Abduh (dilantik sebagai Mufti Mesir pada 1899M.) telah menjalankan hubungan yang baik dengannya sehingga usaha Jamāl al-Dīn al-Afghānī sebelum ini berpeluang digerakkan kembali. Muhammad 'Abduh ketika itu turut mendapat sokongan Ḥasūnah al-Nawawī (dilantik sebagai Shaykh al-Azhar dari 1896M sehingga 1900M) dalam usaha pembaharuan al-Azhar sehingga tertubuhnya *Majlis Idārah al-Azhar*. Menerusnya, beberapa perubahan telah berlaku dalam pentadbiran al-Azhar seperti kenaikan gaji

¹⁰ Muhammad al-Bāhī, *Al-Azhar: Tārīkhuhū wa Taṭawwuruh* (Kaherah: Wizārah al-Awqāf wa Shū'ūn al-Azhar), 234.

bagi para pensyarah, penyusunan semula sistem pengajian *Ruwaq* dan mewujudkan khidmat kesihatan kepada para pelajar. Selain itu, beliau turut memperkenalkan subjek Akhlak, Sejarah Islam, Sains Algebra, Sains Geografi, Prinsip Kejuruteraan dan *'Arūdh* dalam silibus pengajian serta mewujudkan Sijil al-Ahliyyah sebelum para pelajar layak mendapatkan Sijil al-'Ālimiyyah.¹¹

Iltizamnya dalam pembaharuan institusi tersebut sangat tinggi sehingga beliau menyatakan bahawa pembaharuan al-Azhar adalah suatu khidmat yang sangat besar kepada Islam. Beliau menambah bahawa kejayaan dalam usaha ini adalah kejayaan kepada seluruh umat Islam dan kegalangannya pula adalah kegagalan yang terpaksa dihadapi oleh seluruh umat Islam. Projek besar ini perlu diteruskan sekalipun sedang berhadapan dengan kelalaian para ilmuwan yang sudah mengakar.¹² Ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan tentang yang dihadapinya daripada Salīm al-Bushrā (dilantik sebagai Shaykh al-Azhar dari 1900M. hingga 1904M.) sendiri serta para ilmuwan di belakangnya.

Antara sebab tentang tersebut ialah cubaan Muhammad 'Abduh dalam menghapuskan silibus berdasarkan *mutun* dan *ḥawāshī* daripada kitab-kitab klasik serta perbezaan penafsiran dalam beberapa perkara berkaitan perbincangan metafizik. Pertembungan ini akhirnya membawa kepada pengunduran Muhammad 'Abduh dari institusi al-Azhar, namun tetap meninggalkan pengaruh pemikiran kepada tokoh-tokoh besar seperti 'Abd al-Ḥamīd bin Bādīs (m. 1940M.), Rashīd Riḍā (m. 1935M.), 'Abd al-Rahmān al-Kawākibī (m. 1902M.) dan Muṣṭafā al-Marāghī (m. 1945M.).

¹¹ *Ibid.*, 234.

¹² Muhammad Rashīd Riḍā, *Tārīkh al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muhammad 'Abduh* (Riyadh: Dār al-Fadḍīlah, 2006), 1: 425.

Usaha pembaharuan al-Azhar tidak lagi rancak selepas pengunduran Muḥammad 'Abduh sehingga Muṣṭafā al-Marāghī dipertanggungjawab sebagai Shaykh al-Azhar pada tahun 1928M. Dengan pelantikan tersebut, beliau berhasrat menyemarakkan semula idea Muḥammad 'Abduh, namun dengan segera ia ditentang sehingga beliau sendiri menawarkan diri untuk berundur daripada jawatan tersebut. Seterusnya diganti oleh Muḥammad al-Āḥmadī al-Zawāhirī (dilantik sebagai Shaykh al-Azhar dari 1929M. hingga 1935M.) yang turut menyedari keperluan memperbaharui sistem al-Azhar sedia ada.

Peluang tersebut digunakan sehingga berjaya mewujudkan sistem fakulti yang terdiri daripada Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan Fakulti Bahasa Arab berdasarkan Cadangan Penambahbaikan al-Azhar 1930 (Bil. 10).¹³ Begitu juga dengan mengadakan sijil pengkhususan bagi setiap fakulti iaitu; Kehakiman dan Fatwa, Dakwah dan Kepimpinan, serta Pendidikan dan menetapkan tempoh sekurang-kurangnya lima tahun pengajian bagi mendapatkan Sijil al-'Ālimiyah.

Kemudian Muṣṭafā al-Marāghī sekali lagi diamanahkan sebagai Shaykh al-Azhar selama sepuluh tahun bermula dari 1935M. hingga 1945M. Dalam tempoh tersebut, beliau turut meneruskan beberapa pembaharuan antaranya penubuhan Lajnah Iftā' al-Azhar, menyediakan biasiswa kepada para pelajar serta menguruskan graduan al-Azhar untuk berkhidmat dalam sektor kerajaan dan pendidikan. Demikian juga dengan Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq (dilantik sebagai Shaykh al-Azhar dari 1945M. hingga 1947M.) yang telah membangunkan Dewan Muḥammad 'Abduh sebagai tempat persidangan serta syaranan perdana oleh para kepimpinan intelektual ketika itu. Ia juga bertujuan sebagai pentas bagi para sarjana tanpa mengira sebarang kecenderungan pemikiran

¹³ Muḥammad al-Bāhi, *al-Azhar*, 234.

membentangkan dapatan serta mencari solusi dalam menyelesaikan permasalahan semasa.¹⁴

Ternyata usaha pembaharuan al-Azhar dalam sejarahnya telah banyak diwarnai oleh para pemimpin tertinggi intelektual dari kalangan Shaykh al-Azhar. Namun tanpa disedari, terdapat seorang tokoh yang telah turut menghulurkan idea dalam pembaharuan al-Azhar iaitu Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz tetapi tidak ditonjolkan dengan sewajarnya dalam catatan sejarah berkenaan usaha tersebut. Beliau bukanlah tokoh yang asing dalam senarai ilmuwan al-Azhar, malah Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz pernah ditawarkan sebagai Shaykh al-Azhar selepas Revolusi Julai 1952 tetapi beliau menolaknya setelah tiga syarat yang diletakkannya tidak dapat diterima oleh pemerintah, salah satunya ialah memberikan kuasa autonomi sepenuhnya kepada al-Azhar dalam menjalankan peranan sebenar institusi pendidikan tersebut.¹⁵

Walaupun sumbangan tersebut tidak kelihatan secara jelas, namun hakikatnya beberapa siri penulisan beliau telah menyentuh aspek-aspek yang menyeru ke arah pembaharuan al-Azhar. Kemungkinan atas faktor beliau berada di Perancis bagi menyempurnakan kajian peringkat Doktor Falsafah dalam tempoh hampir sebelas tahun menyebabkan idea serta usahanya tidak begitu terserlah.

Biografi Ringkas Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz

Beliau ialah Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ḥasanayn Dirāz dan dilahirkan pada 10 Jumadā al-Awwal 1312H bersamaan 8 November 1894M di Mahallah Diyāy, Kafr al-Shaykh, Mesir.¹⁶ Bapa dan

¹⁴ *Ibid.*, 583-584.

¹⁵ Ahmad Muṣṭafā Faḍliyyah, *al-Imām al-Mujaddid Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz Sīrah wa Fikr* (Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2010), 17.

¹⁶ Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz, *Dirāsāt Islāmiyyah fī al-'Alāqāt al-Dawliyyah wa al-Ijtīmā'iyyah* (Kaherah: Dār al-Qalam, 1994), 37.

datuknya dikenali sebagai tokoh yang aktif menggerakkan aktiviti keilmuan dalam kalangan masyarakat setempat. Maka tidak pelik jika Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz sejak kecil lagi dididik dalam suasana ilmu dan semangat taqwa sehingga diceritakan bahawa bapanya akan mengimami solat Isya' serta Subuh bersamanya sekeluarga dan selepas itu langsung diteruskan dengan pengajian ilmu.¹⁷

Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz telah berjaya menyempurnakan hafazan al-Qur'an sebelum usianya belum pun mencapai sepuluh tahun. Kemudian beliau dibawa bersama oleh bapanya berhijrah ke Iskandariyah dan menjalani pengajian di sekolah yang diasaskan oleh 'Abd Allāh Dirāz atas saranan Muḥammad 'Abduh ketika itu. Setelah menamatkan pengajian rendah di situ, beliau kemudian berhijrah ke Tanta bersama bapanya yang ditugaskan bagi membangunkan pula sekolah menengah setelah melihat percubaannya sebelum ini menghasilkan kejayaan. Di situ beliau menamatkan pengajian peringkat menengah iaitu pada tahun 1912M dan meneruskan pengajian peringkat tinggi di Ma'had al-Iskandariyyah sehingga lah dianugerahkan Sijil al-'Ālimiyah pada tahun 1916M. Tidak puas dengan itu, Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz turut mengikuti pengajian bahasa Perancis selama tiga tahun hinggakan beliau melibatkan diri secara langsung dalam penentangan penjajahan Perancis dengan menyampaikan pidato dalam bahasa tersebut di hadapan Konsulat Perancis pada tahun 1919M.

Sementara dari sudut kerjaya pula, Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz mula berkhidmat sebagai pendidik di Ma'had al-Iskandariyyah bermula tahun 1917M. dan berterusan sehingga tahun 1928M. Pada tahun 1928M., Shaykh al-Azhar Muṣṭafā al-Marāghī telah memberikan kepercayaan kepadaanya untuk berkhidmat sebagai pensyarah di al-Azhar dan setelah diwujudkan sistem fakulti pada tahun

¹⁷ *Ibid.*, 22.

1929M., beliau telah ditugaskan di Fakulti Usuluddin. Sebaris dengannya ketika itu ialah nama-nama besar seperti Muhammad Khudayr Husayn, Ibrāhīm al-Jubālī dan 'Alī Maḥfūz, namun diberitakan bahawa beliau lebih selesa didekati oleh para pelajar berbanding yang lain kerana sifat tawaduk serta kesediaannya memperuntukkan masa bersama para pelajar ketika itu.¹⁸

Setelah hampir dua dasawarsa beliau berkhidmat sebagai tenaga pendidik dan atas khidmat cemerlang yang ditunjukkan, Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz telah dipilih untuk meneruskan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Perancis di bawah biaya Raja Fuad I. Sepanjang permukiman beliau di sana bermula tahun 1936M. sehingga 1948M., beliau telah memberikan perhatian terhadap pengkajian al-Qur'an secara mendalam dengan tujuan merungkai jala keraguan yang telah ditebar oleh para orientalis.¹⁹ Untuk tujuan itu dan sebagai menghormati aturan ilmu, beliau tidak terus melangkah kepada penulisan tesis utamanya tetapi sebaliknya terlebih dahulu memperuntukkan masa bagi mendalami disiplindisiplin ilmu Barat. Akhirnya pada 15 Disember 1947M., beliau telah berjaya membentangkan kedua-dua kajiannya iaitu *Initiation au Coran* sebagai kajian awal dan seterusnya *Morale du Coran* sebagai kajian utama. Pembentangan tersebut telah menarik perhatian para penyemak daripada kalangan para orientalis seperti Louis Massignon dan Évariste Lévi bahkan dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kelas Pertama.²⁰

¹⁸ Rajab Bayūmī, "Muhammad 'Abd Allāh Dirāz Bāhith Manhajī Mutafarrid," dalam *Majallaḥ al-Azhar*, 58: 888.

¹⁹ Merupakan biodata yang disediakan oleh anaknya, Muhsin Dirāz. Rujuk: Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Dustūr al-Akhlāq fi al-Qur'an* (Kaherah: Dār al-Qalam, 2011), 22.

²⁰ Anwār al-Jundi, *A'lām al-Qarn ar-Rābi' Ashar al-Hijrī* (Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah, 1981), 19-33.

Setelah kepulangannya ke Mesir, beliau telah ditugaskan sebagai tenaga pendidik di beberapa universiti terutamanya Universiti al-Azhar dalam mata pelajaran Falsafah, Tafsir dan Sejarah Agama selain turut aktif dalam hal berkaitan pentadbiran serta keilmuan. Dalam pentadbiran, beliau antaranya merupakan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Jabatan Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Mesir; Anggota Jamā`ah Kibār al-‘Ulamā’ bi al-Azhar; serta Anggota Lajnah Islah al-Azhar. Dalam tempoh yang sama, beliau turut aktif memberikan syarahan akademik antaranya dalam Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti dan Persidangan Perundangan Islam, kedua-duanya telah diadakan di Perancis pada tahun 1950 M. dan 1951 M. Satu lagi persidangan yang turut dihadiri oleh beliau ialah Persidangan Keilmuan Islam dengan pembentangan bertajuk "Pendirian Islam Terhadap Agama-agama Sejagat" dan dalam persidangan inilah Muhammad 'Abd Allāh Dirāz telah menghembuskan nafas terakhir iaitu pada 6 Januari 1958M.²¹

Perlu dinyatakan juga di sini bahawa Muhammed 'Abd Allāh Dirāz tidak menghadkan khidmat beliau sebagai seorang ilmuwan dalam dunia akademik, bahkan turut terlibat aktif dalam memberikan respon serta reaksi terhadap permasalahan semasa yang berlaku di sekelilingnya. Misalnya pada tahun 1940M. ketika berlakunya Perang Dunia ke-2, ramai daripada kalangan para pelajar Mesir yang ditangkap oleh askar Perancis kerana diragui oleh mereka sebagai tali barut Britain. Ketika Konsulat Mesir hampir berputus asa, Muhammed 'Abd Allāh Dirāz tetap berusaha untuk mengadakan diplomasi dengan pihak bertanggungjawab selama

²¹ Merupakan biografi yang disediakan oleh Aḥmad Muṣṭafā Fadliyyah. Rujuk: Muhammed 'Abd Allāh Dirāz, *Dirāsāt Islāmiyyah*, 25.

berminggu-minggu sehingga akhirnya mereka berjaya dibebaskan.²²

Begitu juga dalam tragedi cubaan bunuh terhadap Jamāl 'Abd al-Nāṣir pada tahun 1954M. di mana *al-Ikhwān al-Muslimūn* telah dijadikan sasaran tuduhannya. Pihak pemerintah telah berusaha mendapatkan pengakuan daripada para ilmuwan al-Azhar sebagai mengutuk tindakan pertubuhan tersebut dan mengesahkan bahawa mereka adalah golongan Khawārij. Namun beliau menolak permintaan itu bahkan menyatakan bagaimana mungkin untuknya mengiyakan pertuduhan sedangkan mereka iaitu anggota *al-Ikhwān al-Muslimūn* ialah *ahl al-Islām*.²³

Pemikiran Pembaharuan Universiti al-Azhar: Idea-idea Muhammad 'Abd Allāh Dirāz

Universiti al-Azhar menurut Dirāz merupakan kiblat ilmu sebagaimana Kaabah yang menjadi kiblat ibadah kepada umat Islam lantaran ia merupakan tempat perhimpunan bagi para cendekiawan Islam bertemu, berbincang dan menyampaikan ilmu kepada ribuan penuntut yang datang dari segenap pelosok dunia.²⁴ Biarpun sejak kewujudan al-Azhar, institusi tersebut telah mengalami pelbagai fasa kemajuan dan kemunduran yang silih berganti, namun al-Azhar tetap menjadi rujukan dan contoh kepada alam pendidikan Islam khususnya. Ini pun sekiranya peranan utama al-Azhar disedari oleh para pemimpin intelektual

²² Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Dustūr*, 23-24.

²³ Ahmad Muṣṭafā Faḍliyyah, *Sīrah wa Fikr*, 207.

²⁴ Merupakan teks ucapan beliau yang disampaikan dalam Persidangan Universiti-universiti Sedunia pada 4 Disember 1951 di Perancis. Rujuk: Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Haṣād Qalam* (Kaherah: Dār al-Qalam, 2008), 335; Ahmad Muṣṭafā Faḍliyyah, *al-Imām al-Mujaddid Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz Sīrah wa Fikr*, 109.

al-Azhar serta adanya usaha bagi melahirkan generasi yang mampu menggerakkan peranan tersebut.²⁵

Oleh kerana itu, beberapa idea Muhammad 'Abd Allāh Dirāz terhadap pembaharuan al-Azhar dengan makna penelitian semula tanggungjawab sebenar yang harus dipikul oleh warga institusi tersebut telah dikenal pasti. Perbincangan mengenai perkara tersebut dapat dilaksanakan menerusi empat sudut iaitu asas pendidikan, kaedah pelaksanaan pendidikan, kaedah penilaian dan pemantauan serta pengantarabangsaan Universiti al-Azhar. Empat sudut tersebut dikenal pasti melalui penelitian terhadap beberapa penulisan artikelnya mengenai al-Azhar serta surat-menyurat antara beliau dan pihak pengurusan al-Azhar. Antara penulisan berkenaan ialah *al-Azhar al-Jāmi'ah al-Qadīmah al-Hadīthah*²⁶, *Mudhakkirah Muqaddimah li Shaykh al-Azhar ḥawla Islāh al-Azhar*²⁷, *Khitāb ilā Shaykh al-Azhar bi Sha'n Qillat 'Ināyah Manāhij al-Ta'līm al-Ilzāmī fī Miṣr bi Hifẓ al-Qur'a'an al-Karīm*²⁸ serta penulisan lain yang berkaitan.

i. Asas Pendidikan al-Azhar: al-Qur'an Sebagai Asas Ilmu

Berikutnya dasar pendidikan yang mewajibkan pendidikan peringkat rendah dan perlu menjalaninya di sekolah-sekolah milik kerajaan, perhatian terhadap usaha hafazan al-Qur'an dalam kalangan kanak-kanak semakin

²⁵ Merupakan memo yang dikeluarkan oleh Shaykh al-Azhar Muhammad Ma'mūn al-Shannāwī kepada para ulama al-Azhar. Rujuk: Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Awrāq Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz* (Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2010), 165.

²⁶ Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Haṣād Qalam*, 335-352. Penulisan ini merangkumi tiga artikel iaitu *Lamhah 'an Tārīkh al-Mi'mārī li al-Azhar*, *Lamhah 'an Tārīkh al-Azhar al-Thaqafī* dan *Risālah al-Azhar Khārij al-Niṣāq al-Madrāsi*.

²⁷ Muhammad 'Abd Allāh Dirāz, *Awrāq Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz*, 157-164.

²⁸ *Ibid.*, 195-196.

berkurangan malah para ibu bapa tidak dibenarkan lagi menghantar anak-anak mereka ke pusat pengajian tahnīf. Aduan demi aduan dilakukan oleh pelbagai pihak namun tidak diendah menyebabkan Dirāz sendiri sejurus pulang dari Perancis mengutus surat kepada Shaykh al-Azhar dan menyatakan kebimbangan berkaitan sistem pendidikan yang sedang berjalan langsung tidak membantu melahirkan para hafiz al-Qur'an.²⁹

Sistem sedia ada sekarang menurut beliau bakal memberikan kesan bahaya kepada institusi al-Azhar bahkan juga kepada negara. Ini kerana syarat utama yang melayakkan seseorang meneruskan pengajian di situ ialah berjaya menamatkan hafazan al-Qur'an. Sebaliknya jika tiada lagi mereka yang dapat memenuhi syarat tersebut, bilangan mereka yang layak mendapat pendidikan di al-Azhar akan berkurang tahun demi tahun dan pengembangan ilmu pun turut semakin tidak bermaya. Begitu juga bahaya tersebut akan menimpa negara apabila setelah hampir dua puluh tahun sistem tersebut berjalan, masalah buta huruf yang sungguh menjelekkan dalam kalangan rakyat Mesir belum juga dapat diselesaikan. Bagi beliau, setidak-tidaknya pusat pengajian tahnīf jika dibenarkan beroperasi oleh pihak kerajaan dapat membantu dalam menangani permasalahan tersebut.³⁰

Dirāz seterusnya membandingkan kebebasan yang diberikan oleh negara-negara Barat seperti Perancis dan England dalam mendirikan sekolah-sekolah yang berasaskan dakwah agama. Sekalipun jelas kerajaan mereka yang terang-terangan tidak menjadikan agama sebagai asas pentabiran, namun hampir tidak kedengaran usaha mereka menutup sekolah yang turut berorientasikan agama sebegitu rupa. Demikian beliau mendesak pihak al-Azhar menjalankan tanggungjawabnya agar segera diberi

²⁹ *Ibid.*, 195.

³⁰ *Ibid.*, 195-196.

kepercayaan untuk pusat pengajian tahfiz bergerak aktif dan menurutnya, pentadbiran al-Azhar sendiri sepatutnya menawarkan diri untuk mengendalikan urusan pemantauan serta penyeliaan. Secara tidak langsung, al-Azhar juga yang akan menjamin kelangsungan visi pendidikannya dan bertanggungjawab dengan upayanya dalam membina kualiti generasi seterusnya.³¹

Dalam hal ini, beliau melihat al-Azhar sebagai institusi pendidikan yang membentuk para cendekiawan ilmu agama khususnya perlu melalui tahapan asas dengan mula menghafaz al-Qur'an sejak usia kanak-kanak seperti yang dilakukan oleh para ilmuwan silam. Ibn 'Abd al-Barr menyatakan bahawa al-Qur'an ialah asas bagi ilmu dan sesiapa yang menamatkan hafazan sebelum usia baligh serta kemudian mempelajari ilmu bahasa Arab, ia merupakan suatu kelebihan yang sangat besar dalam proses menuntut ilmu bahkan merupakan sunnah Rasulullah s.a.w.³² Begitu juga Ibn Khaldūn yang berpandangan bahawa pendidikan al-Qur'an semasa usia kanak-kanak merupakan asas bagi kesemua ilmu yang diajarkan sesudahnya. Ini kerana menurutnya perkara yang terlebih dahulu meresapi jiwa seseorang akan menjadi asas kepada penguasaannya dengan makna pendidikan al-Qur'an akan memberi kesan yang lebih mendalam terhadap keimanan serta ilmu-ilmu berkaitannya.³³

ii. Kaedah Pelaksanaan Pendidikan al-Azhar: Pembentukan Rohani dan Pencerdasan Akal

Menurut Dirāz, dua unsur tersebut sering dilihat terpisah dalam sistem pendidikan sedia ada sedangkan al-Azhar sejak mula diasaskan pada 7 Ramadān 361H. telah

³¹ *Ibid.*, 196.

³² Yūsuf bin 'Abd Allāh al-Qurtubī, *Jāmi' al-Bayān wa Faḍluh* (Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1994), 2: 1129.

³³ 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, *Tārīkh Ibn Khaldūn*, 1: 537.

memberikan perhatian terhadap dua tanggungjawab asasi itu iaitu membentuk keunggulan peribadi dalam memenuhi tanggungjawab sebagai hamba serta akal yang cerdas dalam mendepani tuntutan semasa. Oleh kerana itu, mudah sekali menurutnya untuk melihat para cendekiawan yang memimpin intelektual di al-Azhar adalah daripada kalangan mereka yang berkeperibadian seorang ilmuwan dan dalam masa yang sama mempunyai autoriti dalam multi-displin ilmu. Mereka itu seperti al-Qādī ‘Alī bin Maymūn (m. 374M.) yang merupakan seorang pakar perundangan, al-Ḥasan bin Zulāq (m. 389M.) yang merupakan seorang ahli sejarah, al-Masbahī (m. 1038M.) yang merupakan seorang pakar astronomi dan ramai lagi para sarjana ternama.³⁴

Dalam pembentukan peribadi unggul, beliau menggariskan keperluan dalam pembinaan kesedaran kebertanggungjawaban terhadap tiga paksi yang telah digagaskan oleh al-Qur'an.³⁵ Pertama, tanggungjawab terhadap diri sendiri yang mesti melalui proses pendidikan kesedaran akhlak. Ia adalah deria rasa maknawi yang mampu menentukan nilai terhadap sesuatu sama ada baik, buruk, membawa kebaikan, mendatangkan kebinasaan dan sebagainya sama seperti deria rasa materi yang mampu menentukan sama ada manis, pahit dan sebagainya.

Oleh kerana itu seorang guru dalam hal ini tidak boleh memaksa sehingga akhirnya menyebabkan keterpaksaan. Namun sebaliknya perlu menimbulkan kesedaran, merangsang kehendak serta menghidupkannya melalui penampilan diri yang boleh dicontohi. Selain itu, di sebalik kesedaran akhlak ini terdapat selaput-selaput yang dapat menghilangkan kejernihan pandangan dalam menilai sesuatu sama ada bersifat dalaman iaitu hawa

³⁴ Muhammad ‘Abd Allāh Dirāz, *Haṣād Qalam*, 341, artikel bertajuk *Lamḥah ‘an Tārīkh al-Azhar al-Thaqafī*.

³⁵ *Ibid.*, 276.

nafsu ataupun bersifat luaran iaitu faktor sekeliling yang membentuk. Maka dalam hal ini, seorang guru perlu menggilap potensi akhlak para pelajar dengan menjelaskan rasionaliti sesuatu kebaikan itu baik dan sesuatu keburukan itu buruk.³⁶

Kedua, tanggungjawab terhadap komuniti yang harus dimulakan dengan proses pendidikan kesedaran hidup berkomuniti. Proses ini pula menurut Dirāz mempunyai tiga tahapan iaitu; (1) pendidikan pemberdayaan akhlak iaitu dengan membangkitkan rasa kemuliaan pada diri sehingga sentiasa menjaga diri daripada terdedah kepada pandangan negatif dari kelompok komuniti yang menilai dengan neraca keadilan dan kasih sayang, (2) pendidikan pemberdayaan sosial iaitu dengan memberikan kesedaran akan tanggungjawab menjaga akhlak dalam konteks ruang awam (*public sphere*) serta berusaha melakukan perubahan nilai (*taghyīr al-munkar*) dalam komuniti, dan (3) pemberdayaan pendidikan spiritual yang menyedari batasan perubahan yang ingin dilakukan tanpa melampaui batasan pengadilan, prinsip bermaafan serta sepakat menjunjung nilai kebebasan dalam menyatakan pandangan.³⁷

Demikian tahapan yang digariskan oleh beliau setelah melihat dari konteks institusi pendidikan, para pelajar tidak sepatutnya dididik segala-galanya berdasarkan orientasi ganjaran atau hukuman berbentuk materi. Sebaliknya para guru perlu mewujudkan kesedaran dan interaksi sosial dengan menghormati nilai-nilai kesopanan (*al-qiyam al-adabiyyah*).

Ketiga, tanggungjawab terhadap Tuhan dengan didahului oleh proses pendidikan kesedaran spiritual. Berdasarkan penelitian ini, beliau menegaskan bahawa ia merupakan hakikat tertinggi yang hanya dapat dihayati

³⁶ *Ibid.*,281-282.

³⁷ *Ibid.*,295.

oleh jiwa yang mengimani kewujudan kuasa yang berada di luar dimensi pertimbangan empirik.³⁸ Ini kerana peringkat tertinggi bagi kesedaran spiritual ialah meyakini bahawa Tuhan yang memberi rasa cinta kepada kebaikan dan rasa benci kepada kemungkaran.³⁹ Sementara proses pendidikan dalam menjayakan paksi ini menurutnya adalah dengan membina hubungan erat individu bersama al-Qur'an, di mana ia dapat memenuhi tuntutan kepada manusia iaitu zikir dan fikir. Demikian melalui pembacaan al-Qur'an secara berterusan dapat merawat penyakit kelalaian kerana menerusinya, para pembaca akan mengulang puji-pujian terhadap Tuhan yang dapat dijumpai dalam banyak ayat.⁴⁰ Seterusnya melalui perenungan terhadap al-Qur'an pula akan menjadikan para pembacanya sentiasa mendapat peringatan terhadap perkara yang patut dan tidak sepatutnya mereka lakukan.⁴¹

Dalam pembinaan akal yang cerdas pula, menurut hemat penulis, hampir tidak ditemui penulisan beliau yang membincarkan gagasan-gagasan berkenaan tujuan tersebut. Sebaliknya Dirāz terlebih dahulu membuktikan kesedaran dan kemampuan intelektualnya dalam menyahut seruan pencerdasan akal yang dibawa oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan Muḥammad ‘Abduh sebelumnya. Dalam karya awalnya iaitu *al-Naba' al-'Azīm* yang mula disiapkan seawal kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Usuludin, beliau telah menggunakan metod fenomenologi yang secara kebetulan dituruti oleh Malik Bennabi dalam *al-Zāhirah al-Qur'āniyyah*. Kemampuan beliau dalam mengintegrasikan kajian al-Qur'an peringkat tinggi dengan metod moden ini menunjukkan

³⁸ *Ibid.*,296.

³⁹ *Ibid.*,307, merupakan manifestasi kefahaman dari surah al-Hujurāt 49: 7.

⁴⁰ *Ibid.*,299.

⁴¹ *Ibid.*,307.

kecerdasan intelektual yang inovatif dalam memandu peserta didik menghadapi tantangan-tantangan semasa.

Kemudian beliau turut berjaya menghasilkan *magnus opusnya* iaitu *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qur'ān* yang ditulis bertujuan mengisi kelompongan dalam literatur Islam berkaitan falsafah etika yang sengaja dikesampingkan oleh Barat.⁴² Namun beliau tidak mengambil jalan mudah dalam usaha agung ini, sebaliknya telah memperuntukkan masa bertahun-tahun bagi mendalami terlebih dahulu disiplin ilmu Barat berkaitan psikologi, sosiologi dan falsafah.⁴³ Dari sini membuktikan keinsafan beliau tentang peri pentingnya sikap negatif dikotomi ilmu dalam kalangan intelektual Muslim dan perlu segera disingkirkan agar pengetahuan menyeluruh mengenai sesuatu permasalahan dapat dibina, seterusnya menghasilkan sistem fikir yang tersusun dan mampu mendepani beban psikologi yang disasarkan oleh Barat.

Gagasan ini turut disuarakan oleh al-Attas, namun beliau dilihat lebih memberikan fokus kepada usaha pembentukan teori pencerdasan akal melalui projeknya iaitu Islamisasi ilmu pengetahuan. Sementara Dirāz tidak mengulas berkenaan perkara tersebut sebaliknya membahas secara panjang lebar berkenaan teori pembentukan rohani. Malah penyelidikan beliau berkenaan falsafah etika dalam al-Qur'an adalah khusus bagi mengenal pasti formulasi sebenar al-Qur'an dalam pembentukan rohani individu dan masyarakat.⁴⁴ Sebaliknya al-Attas hanya menjelaskan pentingnya seluruh kelompok daripada barisan para pelajar dan guru melakukan

⁴² Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz, *Dustūr al-Akhlāq*, 27.

⁴³ Ahmad Muṣṭafā Faḍlīyyah, *Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz: Dirāsāt wa Buhūth bi Aqlām Talāmidhatih wa Mu'aṣirih* (Kaherah: Dār al-Qalam, 2007), 357.

⁴⁴ Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz, *Hawla Dustūr al-Akhlāq fī al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Qalam, 2012), 26.

persiapan spiritual yang meliputi kesedaran niat,⁴⁵ kejujuran, kesabaran serta *ta'dīb* oleh para ahli hikmah.⁴⁶

Adapun mengenai Islamisasi yang merupakan pembebasan ilmu pengetahuan daripada penafsiran yang berdasarkan ideologi, makna dan ungkapan sekular, ia harus melalui dua tahapan iaitu: (1) pemisahan unsur dan kefahaman asas yang membentuk kebudayaan dan peradaban Barat, dan (2) pemasukan unsur-unsur Islam dan kefahaman asas ke dalam setiap cabang ilmu. Dalam melaksanakan tugas yang rumit ini, al-Attas mensyaratkan akan terbinanya terlebih dahulu kefahaman yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan Islam serta dalam peradaban Barat.⁴⁶ Sayangnya Dirāz tidak banyak membicarakan mengenai hal ini, tetapi telah mengorak langkah terhadap apa yang diperkatakan oleh al-Attas tersebut.

iii. Kaedah Penilaian dan Pemantauan al-Azhar: Kelayakan dan Sistem Peperiksaan bagi Sijil al- ‘Ālimiyah

Dalam hal ini, Dirāz menyatakan rasa anehnya terhadap sebilangan besar calon yang menduduki peperiksaan lisan bagi mendapatkan Sijil al-‘Ālimiyah namun mempunyai keupayaan yang sangat minima. Bahkan menurut beliau, tidak salah jika dikatakan mereka ini sememangnya berada dalam kategori yang secara fitrah tidak diberi kebolehan dalam berfikir tahap tinggi. Sehingga para pengujii, apabila dilontarkan sesuatu persoalan kepada mereka terpaksa meringkas atau menjelaskan soalan tersebut, itu pun mereka masih tidak berupaya untuk menyelesaikannya. Disebabkan keadaan yang banyak merugikan tenaga dan kos ini, Dirāz mencadangkan agar para calon tidak dibenarkan menduduki peperiksaan lisan

⁴⁵ Lihat ulasan lanjut melalui artikel Persiapan Spritual. Wan Mohd Nor bin Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam*, 202-204.

⁴⁶ *Ibid.*, 274.

sebelum melepassi kelayakan peperiksaan bertulis. Begitu juga perlu diletakkan parameter yang tinggi dan selayaknya bagi peperiksaan bertulis sehingga mereka yang akan menduduki peperiksaan lisan adalah daripada kalangan yang benar-benar terpilih serta cerdas.⁴⁷

Dalam pada itu, Dirāz turut menzhirkan pandangan agar bilangan penguji dikurangkan daripada lima orang kepada tiga orang. Ini kerana beliau melihat bilangan penguji yang lebih daripada sepatutnya hanya akan memperbanyak perbezaan pandangan sehingga menyebabkan tempoh bagi satu-satu ujian mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan. Para penguji yang akan terlibat pula sewajarnya memenuhi kriteria-kriteria berikut:⁴⁸

- a. Berkemahiran dalam membezakan antara jawapan yang dihafal dengan jawapan yang diolah berdasarkan kefahaman; antara kesalahan yang tidak disengajakan dengan kesalahan yang tidak disedari kesalahannya; lambat memberikan jawapan disebabkan tidak dapat menanggap permasalahan ataupun ia suatu reaksi normal kerana sedang dalam proses berfikir; dan antara pantas dalam memberikan jawapan kerana reaksi spontan atau kerana tidak benar-benar mencermati persoalan.
- b. Bertoleransi dalam perkara remeh dan sebaliknya memberikan perhatian terhadap perkara esensi. Menurutnya, calon yang memberikan perhatian terhadap perkara yang universal (*kulliyāt*) dimaafkan jika tidak mengetahui beberapa perkara partikular (*juz' iyyāt*). Bahkan mereka yang mempunyai pemikiran *manṭiqī* dengan mampu mengesan paradoks serta falasi yang berlaku dalam

⁴⁷ Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz, *Awrāq Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz*, 157-158.

⁴⁸ *Ibid.*, 158-159.

sesi ujian tersebut dimaafkan sekalipun tidak mempunyai pengetahuan dalam beberapa perkara universal.

- c. Terbuka dalam menerima sebarang jawapan serta tidak defensif dalam mempertahankan pandangan dalam sesuatu permasalahan sehingga melupakan peranan sebenarnya ketika itu sebagai penguji, bukan sebagai seorang pendidik.
- d. Mematuhi parameter penilaian dan tidak terpengaruh dengan faktor luar yang menyebabkan penilaian ke atas seseorang calon dengan calon yang lain berbeza.

Oleh kerana penganugerahan Sijil al-`Ālimiyyah ketika itu bermakna memberi tauliah kepada para penerimanya untuk terlibat dalam lapangan pendidikan, kehakiman serta dakwah, maka beliau melihat ia tidak seharusnya dilakukan dengan wewenang.⁴⁹ Ia mesti melalui peringkat penilaian yang tersusun dan sepatutnya supaya mereka yang akan memimpin tersebut adalah daripada kalangan yang sempurna keilmuan, kewibawaan serta kepimpinannya.

Ini juga yang disebut oleh Plato bahawa hanya mereka yang mempunyai ilmu yang lengkap dalam sesuatu bidang akan dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dalam sesuatu bidang kehidupan.⁵⁰ Justeru melalui penekanan dan cadangan Dirāz itu, beliau mengharapkan tiada ruang kezaliman yang berlaku sama ada daripada kalangan pelajar yang akan menempuh tugasan mahupun para penilai yang akan menentukan penganugerahan.

⁴⁹"Aṣālah wa Hadāthah, Jāmi ' wa Jāmi 'ah," laman sesawang Al-Azhar University, dicapai 1 September 2016, <http://www.azhar.edu.eg/pages/history2.htm>

⁵⁰Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, 2001), 25.

iv. Pengantarabangsaan al-Azhar

Dirāz menanggapi bahawa terdapat misi yang lebih besar dari hanya terhad pada konteks pembelajaran dan pendidikan formal iaitu peranan al-Azhar dalam memimpin meningkatkan mutu kehidupan sejagat. Sesuai dengan mesej utama al-Azhar sebagai penerus kelanjutan daripada tugas para Nabi, ia tidak seharusnya bercukup dengan menjelaskan prinsip-prinsip yang bersifat teori semata-mata bahkan juga bertindak sebagai penyusun atur sistem sosial yang lebih insani. Begitu juga dengan tatacara Islam yang tidak mengiktiraf individualisme mahupun kependetaan, sebaliknya menyeru penganutnya kepada kehidupan secara bersama dan berpartisipasi dalam segenap cabang kehidupan. Beliau sesudahnya bertanyakan apakah usaha praktikal yang harus dilakukan dalam lapangan yang tiada hujung tersebut dengan ruang kemampuan yang dimiliki sekarang?⁵¹

Menurutnya, Islam telah memberikan tanggungjawab amar makruf nahi mungkar kepada semua individu penganutnya. Namun bagi menjamin keberhasilan serta mengelakkan kemungkinan berlakunya sebarang penyimpangan, tugas ini sewajarnya diberikan keutamaan kepada mereka yang memiliki bukan sahaja pengetahuan berupa teori bahkan juga pragmatik dalam bertindak. Untuk tujuan tersebut, usaha dalam melahirkan para pendidik masyarakat perlu diteruskan dan kemudian ditempatkan pada posisi penting terutamanya dalam pentadbiran pendidikan serta sosial mengikut keperluan satu-satu tempat.

Selain itu, para pendidik Universiti al-Azhar dihantar ke serata negara Islam mahupun Barat bagi menyebarluas serta membantu dalam pembangunan institusi pendidikan dan dakwah yang masih berada di peringkat permulaan. Malahan para pelajar antarabangsa turut tidak

⁵¹ Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz, *Haṣād Qalam*, 349.

dikesampingkan dari diberi perhatian dengan menyediakan kebijakan yang cukup dari aspek pembelajaran, bimbingan, penempatan, kewangan dan kesihatan. Ini tidak lain adalah bagi memastikan mereka dapat melakukan persediaan secara maksima dan membawa imej Universiti al-Azhar sebagai simbol penyatuan umat sekembalinya mereka ke tanah air masing-masing.⁵²

Demikian juga beliau mengamati situasi ketegangan dan pertembungan politik antara kuasa besar dunia sehingga berupaya mencetuskan malapetaka besar jika tidak diurus dengan bijaksana. Beliau berpandangan bahawa para pemimpin intelektual al-Azhar mesti berperanan sebagai kuasa ketiga dalam menjamin kesimbangan dan kestabilan politik semasa. Kuasa ini bukanlah berfungsi sehingga dapat menyatukan antara dua pihak yang saling bertelagah tetapi berusaha mencari titik kesepakatan yang dapat mengurangkan pertelingkahan. Inilah kemuncak kebijaksanaan al-Azhar apabila berupaya membawa mesej keamanan insani universal yang menekankan keutamaan kepada kebebasan individu, kebijakan rakyat serta kemerdekaan bangsa.⁵³

Ternyata dalam hal berkenaan tujuan, apa yang diharapkan oleh Dirāz dalam usaha pengantarabangsaan ini ialah bagi memikul misi dakwah serta membawa suara perdamaian antarabangsa. Ini berbeza sekali dengan kritikan yang diajukan oleh Ali Khorsandi terhadap institusi pendidikan Barat yang lebih mensasarkan kepada orientasi komersial, pengambilan lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mendapatkan keuntungan serta hanya untuk menjaga reputasi di mata dunia.⁵⁴

⁵² *Ibid.*, 350-351.

⁵³ *Ibid.*, 352.

⁵⁴ Ali Khorsandi Taskoh, "A Critical Policy Analysis of Internationalization in Postsecondary Education: An Ontario Case

Begitu juga jika dilihat dari sisi sejarah, Universiti al-Azhar terlebih dahulu memperkenalkan gagasan tersebut dan mempunyai pentadbiran yang tersusun dalam memenuhi aspirasi tersebut. Adapun pentadbiran pendidikan tinggi di Barat hanya mula melihatnya dalam bentuk yang lebih strategik pada lewat tercetusnya Perang Dingin bahkan mengaitkan keperluannya dengan fenomena globalisasi yang perlu dieksplorasi peluang tersebut dengan segera.⁵⁵

Kesan daripada gagasan pengantarabangsaan Universiti al-Azhar tersebut dapat dilihat sehingga sekarang biarpun terus menerus berada di bawah naungan kekuasaan politik yang tidak stabil dalam tempoh yang agak lama. Pada awal abad ke-21 ini, Universiti al-Azhar yang diakui merupakan institusi pendidikan tertua di dunia terus berupaya memberikan khidmat pendidikan kepada hampir 40,000 mahasiswa antarabangsa dari segenap pelosok dunia.⁵⁶ Pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang diberikan kepada mereka seperti penyediaan biasiswa kepada sebahagian mahasiswa serta mewujudkan pusat bahasa Arab sebagai persediaan sebelum memasuki pengajian di Universiti al-Azhar.

Terkini, sistem parlimen juga diperkenalkan bagi memberi ruang kepada perwakilan dari pelbagai negara luar untuk bersama-sama berbincang dan bertukar pandangan berkaitan hal ehwal yang berlaku dalam

Study" (Tesis kedoktoran, University of Western Ontario, 2014), 158-159.

⁵⁵ Adrian Raul Cornelius, "Intentional Internationalization of Higher Education: A Strategic Institutional Response To Globalization" (Disertasi, Georgia Southern University, 2012), 50.

⁵⁶ "Amīn al-Buhūth al-Islāmiyyah: 39694 Ṭāliban Wāfidan li al-Dirāsah bi al-Azhar li 'Ām 2015," laman sesawang El-Watan News, dicapai 23 November 2016, <http://www.elwatannews.com/news/details/818094>.

kalangan mereka.⁵⁷ Tambahan itu, ikatan antara alumni-alumni Universiti al-Azhar juga digerakkan dengan bernaung terus di bawah kepimpinan Shaykh al-Azhar. Ikatan yang bertujuan mengembang serta mengukuhkan lagi mesej yang diperjuangkan oleh al-Azhar berjaya digerakkan di beberapa buah negara antaranya Malaysia, Indonesia, Thailand, Pakistan, India, United Kingdom, Somalia-Mogadishu, Comoros, Cote D' Ivoire, Ghana, Nigeria, Kenya, Afrika Selatan, Libya, Jordan dan Kuwait.⁵⁸

Kesimpulan

Muhammad `Abd Allāh Dirāz sebagai tokoh yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran pendidikan al-Azhar telah membuktikan bahawa dirinya telah turut berperanan dalam usaha pembaharuan terhadap institusi tersebut. Pembaharuan yang telah diutarakan oleh beliau telah menyentuh empat sudut iaitu pendidikan al-Qur'an yang mesti diberikan keutamaan kerana ia merupakan asas ilmu di al-Azhar, kaedah pelaksanaan pendidikan yang menekankan nilai akhlak serta daya akliyah, kaedah pemantauan yang tersusun dan adil, serta pengantarabangsaan al-Azhar sebagai kiblat ilmu dan penyeru perdamaian sejagat.

Kesemua aspek tersebut merupakan komponen penting dalam pembentukan sebuah institusi pendidikan tinggi dan ini menunjukkan beliau mempunyai pemikiran yang menyeluruh dalam menggerakkan usaha tersebut. Namun seperti yang dinyatakan sebelum ini, Dirāz tidak berpeluang menabur bakti dalam tempoh yang lama

⁵⁷ "Al-Azhar Yu'assis Awwal Barlamān li al-Tullāb al-Wāfidīn bi al-Azhar," laman sesawang Masress, dicapai 23 November 2016, <http://www.masress.com/misrelgdida/77110>.

⁵⁸ "Al-Ta'rīf bi al-Rābiṭah," laman sesawang The World Association for al-Azhar Graduates, dicapai 28 November 2016, http://www.waag-azhar.org/arabic/news_archive2.aspx?id=347.

kepada al-Azhar kerana hanya sempat berkhidmat selama lapan tahun selepas pulang dari Perancis.

Jika ditinjau penulisan-penulisan berkenaan pembaharuan al-Azhar, didapati hanya berlegar sekitar rakaman sejarah tanpa memberikan penekanan secukupnya terhadap gagasan idea yang dibawa oleh mereka yang terlibat. Karya *Tārīkh al-Islāh fī al-Azhar wa Safahāt min al-Jihād fī al-Islāh* dan *Al-Azhar: Tārīkhu-hū wa-Taṭawwuru-hu* misalnya hanya menonjolkan data-data berkenaan perubahan luaran (*shakliyyah*) tetapi kurang memberikan perhatian terhadap konsep sebenar sebuah universiti serta apakah konsep perubahan yang ingin dilakukan. Justeru, penulisan mengenai sejarah universiti-universiti Islam perlu diteruskan namun perlu diberikan nafas baru dengan turut menonjolkan aspek yang telah dinyatakan.

Rujukan

- ˋAbd al-Rahmān bin Muḥammad. *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, t.t..
- Aḥmad Iyās, Muḥammad. *Badā'i al-Zuhūr fī Waqā'i' al-Duhūr*, ed. Muḥammad Muṣṭafā. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-Āmmah li al-Kitāb, 1984.
- Al-Attas, Syed Muḥammad Naquib. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, 2001.
- Al-Azhar University, "Aṣālah wa Hadāthah, Jāmi' wa Jāmi'ah." <http://www.azhar.edu.eg/pages/history2.htm>. Dicapai pada 1 September 2016.
- Al-Bāḥī, Muḥammad. *Al-Azhar: Tārīkhu-hū wa Taṭawwuru-hu*. Kaherah: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Azhar.
- Bayūmī, Rajab. "Muhammad `Abd Allāh Dirāz Bāhith Manhajī Mutafarrid." Dalam *Majallah al-Azhar*.
- Cornelius, Adrian Raul. "Intentional Internationalization of Higher Education: A Strategic Institutional Response

- to Globalization." Disertasi, Georgia Southern University, 2012.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Awrāq Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz*. Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2010.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Dirāsat Islāmiyyah fī al-'Alāqāt al-Dawliyyah wa al-Ijtīmā'iyyah*. Kaherah: Dār al-Qalam, 1994.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Dustūr al-Akhlāq fī al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Qalam, 2011.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Haṣād Qalam*. Kaherah: Dār al-Qalam, 2008.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Hawlā Dustūr al-Akhlāq fī al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Qalam, 2012.
- Dirāz, Muhammad 'Abd Allāh. *Muhammad 'Abd Allāh Dirāz: Dirāsat wa Buhūth bi Aqlām Talāmidhatih wa Mu'āṣirih*. Kaherah: Dār al-Qalam, 2007.
- El-Watan News, "Amīn al-Buhūth al-Islāmiyyah: 39694 Tāliban Wāfidan li al-Dirāsah bi al-Azhar li 'Ām 2015." <http://www.elwatannews.com/news/details/818094>. Dicapai pada 23 November 2016.
- Faḍliyyah, Ahmād Muṣṭafā. Al-Imām *al-Mujaddid Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz Sīrah wa Fikr*. Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2010.
- Fahmī, Khālid. *Mu'assis Misr al-Hadīthah Muḥammad 'Alī wa Jayshuh wa Binā'* Misr al-Hadīthah. Kaherah: Dar al-Shurūq, 2011.
- Al-Jundī, Anwār. *A'lām al-Qarn ar-Rābi 'Ashar al-Hijrī*. Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah, 1981.
- Al-Maqrīzī, Taqī al-Dīn. *Al-Khiṭāṭ al-Maqrīzīyyah*. Kaherah: Maktabah Madbūlī, 1998.
- Masress, "Al-Azhar Yu'assis Awwal Barlamān li al-Tullāb al-Wāfidīn bi al-Azhar." <http://www.masress.com/misrelgdida/77110>. Dicapai pada 23 November 2016.
- Al-Qurṭubī, Yūsuf bin 'Abd Allāh. *Jāmi' al-Bayān wa Faḍluh*. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1994.

Muhammad Hanif, Mohd Yakub @ Zulkifli & Asyraf Isyraqi, "Pemikiran Pembaharuan Muḥammad `Abd Allāh Dirāz," *Afkār* Vol. 19 Special Issue (2017): 115-146

- Rashīd Riḍā, Muḥammad. *Tārīkh al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh*. Riyadh: Dār al-Faḍīlah, 2006.
- Al-Ša‘īdī, ‘Abd al-Muta‘al. *Tārīkh al-Islāh fī al-Azhar wa Ṣafahāt min al-Jihād fī al-Islāh*. Kaherah: Maṭba‘ah al-I‘timād, t.t.
- Taskoh, Ali Khorsandi. "A Critical Policy Analysis of Internationalization in Postsecondary Education: An Ontario Case Study." Tesis kedoktoran, University of Western Ontario, 2014.
- The World Association for al-Azhar Graduates, "Al-Ta’rif bi al-Rābiṭah." http://www.waag-azhar.org/arabic/news_archive2.aspx?id=347. Dicapai pada 28 November 2016.
- Wan Mohd Nor bin Wan Daud. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Ed. ke-6. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.

Muhammad Hanif, Mohd Yakub @ Zulkifli & Asyraf Isyraqi, “Pemikiran Pembaharuan Muhammad `Abd Allāh Dirāz,” *Afkār* Vol. 19 Special Issue (2017): 115-146